

Wanita seludup dadah RM1.4 juta

KOSMO 17 DEC 2010 MIS 16

Oleh SHAH NIZAM OMAR
shahnizam.omar@kosmo.com.my

BUKIT KAYU HITAM - Seorang pekerja salon wanita warga Indonesia ditahan Kastam Diraja Malaysia Kedah ketika cuba menyeludup dadah jenis syabu bernilai RM1.4 juta di sini semalam.

Wanita yang dijadikan 'keldai dadah' berusia 28 tahun itu ditahan ketika beg dibawanya menunjukkan imej mencurigakan ketika pemeriksaan pengimbasan imej dibuat oleh kastam.

Pengarah Kastam Negeri Kedah, Ishak Ahmad berkata, ketika membuka kandungan beg tersebut, pihaknya menjumpai empat keping lukisan tangan berbingkai kayu dengan berat

yang agak luar biasa.

"Hasil pemeriksaan ke atas empat bingkai gambar tersebut, kastam menemui 28 bungkus plastik lutsinar mengandungi serbuk kristal putih disyaki dadah jenis *methaphetamin* (syabu).

"Kesemua bungkus ini disorok di dalam bingkai-bingkai gambar yang ditutupi dengan kayu di belakangnya," katanya.

Ishak menambah, dengan tangkapan wanita terbabit, ia merupakan tangkapan terbesar pihaknya kerana berat syabu itu dianggarkan 5.5 kilogram dengan harga pasaran RM1.4 juta.

"Ia merupakan tangkapan terbesar di Kedah pada tahun ini bagi pengimportan dadah yang masuk ke negara ini," ka-

tanya.

Tambah beliau, melalui pemeriksaan pasport milik wanita terbabit, dia telah memasuki negara ini sebanyak dua kali untuk mendapatkan bekalan syabu di Bangkok, Thailand untuk dibawa ke Jakarta.

"Hasil soal siasat awal, dia dikatakan berjumpa dengan seorang lelaki Afrika di sana, sebelum membawa dadah ini ke Jakarta melalui Malaysia dengan menaiki bas di Danok menuju ke Johor Bahru," katanya.

Katanya lagi, wanita terbabit telah direman selama tujuh hari sejak kelmarin dan dia disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan dihukum mati mandatori jika sabit kesalahan.



ISHAK (tengah) menunjukkan dadah bernilai RM1.4 juta yang dirampas daripada seorang wanita Indonesia di pintu sempadan Bukit Kayu Hitam semalam.